

**CURRENT
AWARENESS
SERVICE**


JANUARY 2016
ISSUE NO. 1

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**DATO' SURIANI DATO' AHMAD
PEMBICARA UTAMA *BREAKFAST TALK***



CONTENTS / KANDUNGAN



WHAT'S IN THE NEWS / BERITA TERKINI

- 03 INTEGRITI cadang dasar perlindungan penguatkuasa semasa bertugas

BREAKFAST TALK / SYARAHAN

- 04 Keselamatan dan kebajikan penguatkuasa perlu diutamakan

ROUND TABLE DISCUSSION / PERBINCANGAN MEJA BULAT

- 05 Terapkan nilai integriti melalui pendidikan

INTEGRITY ART NIGHT / MALAM SENI INTEGRITI

- 06 Mayhem, 'dua dalam satu'

NEWS / BERITA

- 07 INTEGRITI - KKMM jalin kerjasama promosi integriti
08 The JKNMPP: "The Peoples' Committee"
09 INTEGRITI dan SKM jalin kerjasama pintar
10 INTEGRITI sediakan perunding MIP terlatih
11 Sarjan Mejar (B) Apot kongsi pahit manis VAT69

FEATURES / RENCANA

- 12 Tun Razak peneraju integriti perkhidmatan awam
14 Aspects of political funding

GALLERY / GALERI

- 15 Berita bergambar tentang aktiviti di INTEGRITI

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Assistant Editor

Nor Azni Ahmad Husairi

Staff Writers

Norsheeda Din
Aimi Farhana Mohd Amin

Photographer

Rosalizawati Arshad

Cover

Aryzam Rahim

Contributors

Harisham Ibrahim
Fison Hamdi Ahmad
Amerul Muner Mohammad
Mohd Ismail Abdul Jalil
Rajasegari a/p Krishnan

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

INTEGRITI CADANG DASAR PERLINDUNGAN PENGUATKUASA SEMASA BERTUGAS

KUALA LUMPUR: Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) akan mengemukakan kertas cadangan dasar mengenai keselamatan dan kebajikan penguatkuasa ketika bertugas kepada pihak kerajaan dalam tempoh dua atau tiga bulan akan datang.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Anis Yusal Yusoff berkata, dasar itu merupakan antara pendekatan julung kali dilakukan institut itu untuk memberi perlindungan kepada penguatkuasa yang melaksanakan tugas dengan penuh integriti.

“Kita tidak ada satu dasar yang nak jaga orang-orang yang mahu menegakkan integriti dalam negara, apa yang kita beri. Memang mereka boleh mengambil tindakan sendiri, namun dalam masa sama dari segi kerajaan apa yang boleh dilakukan.

“Ini permulaan, selepas ini perbincangan mendalam dan mungkin ada kajian. Kertas dasar itu kita akan kemuka kepada kerajaan, bagaimana supaya orang yang berintegriti tidak menjadi mangsa kepada orang yang buat benda tidak baik,” katanya dalam sidang media selepas Program *Breakfast Talk* bertajuk “Dasar Keselamatan dan

Kebajikan Pegawai Penguatkuasa Semasa Menjalankan Tugas,” di INTEGRITI di sini hari ini.

Dengan usaha mewujudkan dasar itu katanya, pegawai penguatkuasa dan penyiasat akan diberi perlindungan keselamatan supaya mereka berani untuk menjalankan tugas tanpa rasa takut.

“Ini penting untuk semua masyarakat bersama membantu negara dan kalau ada orang yang buat ancaman, kita boleh perang bersama.

“Saya rasa kajian ini tidak lama, hanya ini perlu dilakukan segera sebab kita tidak mahu lagi nyawa terkorban selepas ini. Kalau tidak mampu selesaikan, mungkin boleh kurangkan,” ujar beliau.

Kertas cadangan dasar itu adalah hasil perbincangan dan kajian yang diadakan bersama semua agensi kerajaan terutama bahagian penguatkuasaan dan keselamatan.

“Ada 21 agensi penguatkuasaan. Mungkin semua yang laksanakan tugas, terutama yang berisiko nyawa terancam perlu diambil kira, sebab itu dasar itu perlu datang daripada orang atasan.



Dr. Anis Yusal Yusoff

“Kita ada menteri yang bertanggungjawab dan beliau akan bentang di Kabinet nanti. Ini perkara baru sebab sambil budayakan integriti, kita kena faham bukan sahaja kita bercakap sahaja, tetapi benda lain pun perlu ditangani,” tambahnya.

Beliau juga yakin sistem melalui dasar berkenaan mampu diwujudkan dalam memastikan penguatkuasa melakukan tugas dengan lebih integriti dan masyarakat akan akur dengan melaksanakan peraturan yang ditetapkan.



KESELAMATAN DAN KEBAJIKAN PENGUATKUASA PERLU DIUTAMAKAN

Oleh Harisham Ibrahim dan Azni Husairi

Keselamatan dan kebajikan ketika menjalankan tugas merupakan elemen yang amat penting dalam memastikan integriti para penguatkuasa sentiasa berada pada tahap tertinggi. Menyedari akan hakikat ini, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan satu sesi diskusi bertajuk 'Dasar Keselamatan dan Kebajikan Pegawai Penguatkuasa Semasa Menjalankan Tugas' pada 21 Januari 2016 bertempat di Dewan Murni, Menara Integriti.

Program ini menampilkan Timbalan Ketua Setiausaha (Kawalan dan

Penguatkuasaan) Kementerian Dalam Negeri, Dato' Suriani Dato' Ahmad, sebagai pembicara utama, sementara panel-panel lain ialah mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Tan Sri Hj. Hassan dan Pengarah Bahagian Keselamatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), KPKPj Alias Salim. Selain itu, ia turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam, Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan.

Ketika berucap, Dato' Suriani menegaskan bahawa perkongsian

maklumat dan kerjasama khususnya melibatkan kementerian dan agensi perlu disubur, dilaksana dan diperkukuhkan. Ini penting bagi memastikan maklumat yang diterima tepat, sekali gus melicinkan pelaksanaan penguatkuasaan.

Sementara itu, Tan Sri Musa memberitahu bahawa penyaluran maklumat secara berintegriti amat penting. Ini bagi membolehkan para penguatkuasa melaksanakan tugas masing-masing dengan efisien, selamat dan berintegriti.

Selain kerjasama dan perkongsian maklumat, KPKPj Alias menekankan keperluan mewujudkan insurans berkelompok. Hal ini penting agar penguatkuasa rasa terbela daripada aspek kebajikan.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusaf Yusoff, hasil perbincangan berkenaan bakal diterjemahkan dalam bentuk kertas cadangan dasar. Malahan, beliau turut menyuarakan hasrat mengadakan penyelidikan berkaitan isu berkenaan pada masa akan datang supaya hasil daripadanya dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.



TERAPKAN NILAI INTEGRITI MELALUI PENDIDIKAN

Oleh Harisham Ibrahim

Pelaksanaan transformasi sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan dimensi baru ke arah mewujudkan pendidikan yang lebih berkualiti. Namun, selain kecemerlangan akademik, pembentukan nilai integriti dan jati diri juga perlu dititikberatkan.

Menyedari akan hal itu, satu sesi diskusi bertajuk 'Penguatan Integriti Dari Perspektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2015)' telah dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 28 Januari lalu bagi meningkatkan pemahaman masyarakat tentang usaha pembentukan nilai, etika dan integriti dalam kalangan pelajar sekolah. Malahan, menerusi program ini, INTEGRITI turut memperoleh ruang dan peluang intervensi untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

Dialog yang berlangsung selama separuh hari ini menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pelaksanaan dan

Prestasi Pendidikan (PADU) KPM, Puan Khadijah Abdullah dan Pengarah Eksekutifnya, Dr. Noorliza Hj. Zakuan sebagai pembentang utama, sementara ahli-ahli panel yang lain terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, Felo Utama INTEGRITI, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Dato' Dr. Asiah Abu Samah dan mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Dato Hj. Alimuddin Hj. Mohd Dom.

Dalam sesi tersebut, sebanyak 11 anjakan utama proses transformasi sistem pendidikan negara diketengahkan dengan tumpuan lebih diberikan kepada anjakan ketiga iaitu 'melahirkan rakyat yang menghayati nilai'. Anjakan ini dilihat selari dengan matlamat penubuhan INTEGRITI dan pelancaran Pelan Integriti Nasional yang secara tidak langsung menggalakkan kepada kerjasama yang baik antara INTEGRITI dengan KPM bagi membolehkan hasrat murni berkenaan direalisasikan dengan jaya.





MAYHEM, 'DUA DALAM SATU'

Oleh Fison Hamdi Ahmad

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM) memberikan sentuhan berbeza apabila membawa masyarakat melihat integriti dari kaca mata lensa sebuah filem pendek tempatan berjudul *Mayhem*.

Bertemakan "Gobok Wayang Integriti: 'Mayhem' Persepsi Atau Integriti", *Integrity Art Night* yang berlangsung pada 29 Januari lalu di Auditorium Integriti mengetengahkan konsep dua dalam satu iaitu mendidik sambil berhibur agar masyarakat menjadi lebih matang dalam menilai serta melihat sesuatu isu tanpa mudah membuat kesimpulan awal.

Menerusi watak seorang gadis dan dua lelaki, filem pendek yang ditayangkan selama 10 minit ini memaparkan tentang "tersilap langkah" yang berlaku akibat tafsiran awal yang dibuat hanya berlandaskan persepsi sendiri tanpa menyelidik isu sebenar terlebih dahulu.

Selain dihidangkan dengan tayangan filem, tetamu turut berpeluang menyertai

sesi diskusi ringkas bersama pengarah *Mayhem* dan juga naib Presiden FDAM, Syed Zulkifli Syed Masir bagi mengupas elemen-elemen integriti yang tersirat dalam filem berkenaan. Di samping itu, sesi tersebut turut membincangkan peranan filem dalam mendidik dan menyebarkan mesej integriti kepada masyarakat.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusaf Yusoff, selain mempromosikan integriti secara konvensional, adalah penting bagi INTEGRITI untuk sesekali memancing tumpuan masyarakat dengan memberikan sedikit kelainan dalam pendekatan yang digunakan. Ini kerana filem bukan sahaja medium yang rapat dengan masyarakat, tetapi juga mampu memberikan impak yang luar biasa.

Justeru, penganjuran program ini yang dihadiri oleh lebih 100 orang tetamu daripada pelbagai organisasi dan lapisan masyarakat dilihat sebagai langkah terbaik INTEGRITI untuk menjalinkan kerjasama berpanjangan dengan para aktivis seni tanah air khususnya



penggiat filem bagi menyebarkan mesej integriti melalui seni, budaya dan warisan.

INTEGRITI-KKMM JALIN KERJASAMA PROMOSI INTEGRITI

Oleh Norsheeda Din

Gaya hidup masyarakat yang digarap kemas dengan budaya ketimuran dan nilai-nilai murni suatu masa dahulu bakal lenyap seandainya rakyat Malaysia hari ini terus alpa dan lalai. Justeru, bagi menggilap nilai-nilai sedia ada, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) giat menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), sekali gus meneroka peluang dan pendekatan baharu mempromosikan integriti.

Kerjasama yang menerima sokongan penuh Ketua Setiausaha KKMM dan Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad bermula menerusi pertemuan ringkas antara beliau dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff pada 5 Januari lalu di Putrajaya bagi membincangkan rangka usaha sama yang boleh dicapai menerusi KKMM dan agensi bawahnya; Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas).

Hasil daripada pertemuan itu, beberapa persefahaman berjaya dicapai. Antaranya ialah dengan menjadikan RTM sebagai rakan promosi program INTEGRITI. Selain itu, RTM turut bersedia menyiarkan vlog pemenang Pertandingan Vlog



Perbincangan awal antara Dr. Anis Yusal Yusoff dengan Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad



Puan Roselindawati Abdul Rahman mempengerusikan mesyuarat kedua kerjasama INTEGRITI dan KKMM

Integriti tahun lalu dan *Public Service Announcement* (PSA) INTEGRITI.

Susulan daripada perbincangan itu, berlangsung satu lagi pertemuan antara INTEGRITI dengan Setiausaha Bahagian Komunikasi Strategik KKMM, Puan Roselindawati Abdul Rahman pada 11 Januari di Putrajaya untuk membincangkan lebih lanjut bentuk kerjasama yang bakal diadakan. Sesi tersebut turut disertai oleh wakil-wakil jabatan dan agensi bawah KKMM.

Rentetan daripada kerjasama itu, RTM telah membantu mempromosikan

beberapa program anjuran INTEGRITI menerusi siaran rerayap dan siri temu bual pendek. Di samping itu, INTEGRITI turut dipelawa menyertai sesi bual bicara Selamat Pagi Malaysia.

Bagi meningkatkan lagi promosi integriti, KKMM menerusi IPPTAR dan JASA juga bakal menerapkan mesej integriti melalui penyampai-penyampai radio dan televisyen. Malahan, INTEGRITI dijangka akan turun padang dalam Jelajah Program MINDA 2016 anjuran KKMM tidak lama lagi.

THE JKNMPP: “THE PEOPLES’ COMMITTEE”

By Amerul Muner Mohammad

The National Consultative Committee on Political Funding has commenced its activities to enable Malaysians to put forward their suggestions on how political funding should be regulated in the country.

“Over the last few months, the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) which acts as the secretariat to the Committee, has been meeting local stakeholders such as Majlis Belia Malaysia, Members of Youth Parliament, political parties and civil societies to obtain their input,” said the committee’s Secretary, Dr Anis Yusaf Yusoff, who is also the President and Chief Executive Officer of INTEGRITI.

Dr. Anis is pleased with the outcomes of the meetings which have been very encouraging thus far. “All parties that the secretariat has engaged to date have been very receptive to the plans and have contributed practical ideas on political funding management”. The committee would also be having consultative sessions with relevant stakeholders in Sabah and Sarawak in the near future.

Dr Anis, said that the committee had identified some of the major issues that were in need for more in-depth study based on previous engagements with stakeholders. The issues include: Regulation of political funding, sources



of private and public funding for political purpose, legal and institutional frameworks, and political cultures and practices.

The committee had also agreed that the move would ultimately benefit the public in exercising their democratic rights as citizens. “As part of its terms of reference, the committee is required to examine the best practices, mechanism, legislations, rules and procedures as practiced in different jurisdictions.

“Malaysia is looking at a more established and matured political management systems as a model,” Dr Anis said.

Minister in the Prime Minister’s Department Datuk Paul Low, who chaired the third committee meeting

at the Malaysian Institute of Integrity in Kuala Lumpur on 15th January 2016, emphasized the important role the committee plays in the country.

Low said that the committee was to function as a platform for civil societies and the public to identify and make suggestions on methods to enhance transparency, accountability and integrity in relation to political funding in Malaysia. This committee shall be “People’s Committee” that reflect the general opinion of the public relating to the political funding in this country.

All interested parties are welcome to provide their views directly to the secretariat at the Malaysian Institute of Integrity, or through the dedicated Facebook page (<https://www.facebook.com/pembiayaanpolitik>).



INTEGRITI DAN SKM JALIN KERJASAMA PINTAR

Oleh Mohd Ismail Abdul Jalil



Hubungan kerjasama antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sudah terjalin sejak kedua-dua pihak menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di Kundasang, Sabah pada September 2013.

Rentetan daripada itu, satu pertemuan telah diadakan antara Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff dengan Pengerusi Eksekutif SKM, Datuk Lamien Sawiyo pada 8 Januari lalu di Bilik Perbincangan Pengerusi Eksekutif SKM, Kuala Lumpur bagi membincangkan kerjasama berkenaan dengan lebih lanjut.

Sepanjang pertemuan, sesi perbincangan lebih menjurus kepada

mewujudkan kerjasama pintar bagi melaksanakan program secara bersama, khususnya yang melibatkan koperasi-koperasi berdaftar di seluruh negara. Ia merupakan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dilakukan dengan lebih berintegriti dan beretika.

Berdasarkan daripada MoU 2013, kerjasama antara INTEGRITI dan SKM meliputi pelbagai aspek. Antaranya ialah perkongsian kepakaran dalam bidang latihan, program advokasi, kajian dan penerbitan bagi membolehkan etika perniagaan dan integriti dapat dipromosikan, sekali gus kukuh dalam kalangan koperasi dan anggotanya di seluruh negara.

Daripada perbincangan tersebut, SKM menyuarakan persetujuan

untuk mengguna pakai instrumen penilaian integriti, *Malaysian Integrity Profiling* (MIP) dalam kursus-kursus wajib yang perlu disertai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah SKM. Selain itu, SKM turut menyatakan sokongannya terhadap pembentukan jawatankuasa teknikal untuk membincangkan pelbagai cadangan berkaitan penganjuran program dan aktiviti integriti yang boleh dilaksanakan secara kolaborasi oleh kedua-dua pihak.

Meskipun ringkas, perbincangan antara kedua-dua pihak ini akan membuka lebih banyak ruang dan peluang kerjasama antara SKM dan INTEGRITI ke arah mempertingkatkan serta merakatkan agenda integriti dalam kalangan anggota-anggota koperasi di seluruh negara.

INTEGRITI SEDIAKAN PERUNDING MIP TERLATIH

Oleh Mohd Rais Ramli

Bagi memantapkan pelaksanaan *Malaysian Integrity Profiling* (MIP), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Kluster Psikometrik MIMOS Berhad (MIMOS) telah menganjurkan satu sesi *Product Training* dalam kalangan kakitangannya yang berlangsung di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil pada 22 Januari yang lalu.

Latihan berkenaan yang diadakan selama separuh hari dikendalikan oleh kumpulan Kluster Psikometrik MIMOS yang diketuai oleh Pengarahnya, Dr. Haniza Yon. Ia adalah sebahagian daripada usaha INTEGRITI untuk menyediakan pegawai-pegawainya ke arah menjadi perunding produk MIP yang profesional dan terlatih, sekali gus mempromosikan instrumen tersebut dalam setiap projek serta program anjuran INTEGRITI selaras dengan hasrat untuk menjadi sebuah organisasi integriti yang berkemahiran, berkebolehan dan berpengetahuan.

MIP yang sebelum ini dikenali sebagai *Malaysian Integrity Test* (MIT) adalah instrumen penilaian integriti individu yang dibangunkan oleh MIMOS dengan mengambil kira nilai serta budaya masyarakat Malaysia dan telah melalui proses pembangunan yang panjang sejak tahun 2009. Selain disifatkan sebagai instrumen istimewa yang berorientasikan pengalaman antarabangsa, ia juga merupakan satu kaedah saintifik bagi menerangkan kebolehpercayaan, kejujuran dan kecenderungan seseorang untuk menegakkan integriti secara konsisten.

Justeru, MIP dilihat berpotensi tinggi untuk menjadi instrumen utama dalam menilai integriti individu selain memudahkan organisasi membuat keputusan berkaitan penglibatan serta proses pembangunan pekerja.



SARJAN MEJAR (B) APOT KONGSI PAHIT MANIS VAT69

Oleh Rajasegari a/p Krishnan @ Rajesh



Menghargai pengorbanan serta pengalaman pahit getir wira negara dalam memelihara kedaulatan tanah air, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bersama-sama Muzium Polis, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Arkib Negara sedang bekerjasama melaksanakan projek Sejarah Lisan mengenai pesara 69 Komando (VAT 69). Hasil daripada temu bual tersebut bukan sekadar untuk direkodkan, bahkan bakal diterjemahkan dalam bentuk buku.

Selain mendokumentasikan kisah hidup anggota VAT 69, program usaha sama ini dilihat penting bagi mengetengahkan nilai sejarah selain elemen integriti, semangat setia kawan serta jati diri yang ada dalam kalangan anggota VAT 69 agar diketahui serta diwarisi oleh generasi hari ini mahupun akan datang.

Untuk itu, satu sesi temu bual dengan pesara VAT 69, Sarjan Mejar (B) Apot a/k Saad, 67 telah diadakan di Arkib Negara pada 20 Januari lalu oleh Pengarah Kanan Pusat Ilmu dan Runding Cara INTERITI, Mohd Nizam Mohd Ali. Antara yang dikongsikan oleh beliau ialah tentang pengalaman, kejayaan dan kemahirannya menjejaki serta memerangi musuh negara, khususnya penganas komunis. Selain pengalaman berkhidmat sebagai VAT 69, temu bual tersebut turut merakamkan kisah dan latar belakang Sarjan Mejar (B) Apot.

Menurut Sarjan Mejar (B) Apot, integriti dan kesabaran merupakan antara elemen penting yang perlu ada ketika sedang berhadapan dengan musuh. Malahan, itulah antara kunci kemenangan sesebuah pasukan.

Sarjan Mejar Apot memulakan perkhidmatannya dalam Pasukan Polis Hutan pada Ogos 1968 sebagai anggota 'Senoi Praaq' yang bererti 'pejuang'. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Sarjan Mejar mulai 13 Januari 2004 sebelum bersara pada Julai tahun yang sama.



TUN RAZAK PENERAJU INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Oleh Loganathan Veerasamy
Disiarkan dalam Berita Harian, 29 Januari 2016

Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pernah menyebut, 'pentadbiran awam mempunyai tujuh penyakit besar yang menghalang dan menjejaskan jentera pentadbiran kerajaan.'

Tujuh penyakit besar dimaksudkan ialah cemburu antara jabatan, kurang koordinasi antara jabatan, kurang koordinasi antara pegawai pada peringkat bawah dalam operasi harian, setiap jabatan memikirkan tugas mereka adalah paling penting, kurang perancangan yang selari dengan pelan induk, kurangnya pelan induk di setiap peringkat dan kurangnya kawalan daripada pihak atasan.

Tun Razak yang mempunyai pengalaman memegang jawatan dalam jentera perkhidmatan awam negeri sebagai Penolong Pegawai Daerah Raub dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, percaya bahawa jentera perkhidmatan awam yang diwarisi daripada penjajah British mempunyai kemampuan untuk menguruskan pembangunan negara.

Bagaimanapun, apa yang perlu dan penting ialah menyuntik semangat dan menerapkan integriti kakitangan serta penjawat awam supaya mereka dapat memahami hasrat kerajaan dan menyesuaikan diri seiring dengan proses perubahan yang berlaku dalam peranan perkhidmatan awam daripada menjalankan tugas-tugas regulatori dan mengutip cukai ketika zaman penjajah kepada pemangkin proses pembangunan.

Perkenal pemakaian lencana 'Sedia Berbakti'

Sudah empat dekad Tun Razak meninggalkan kita. Bagaimanapun,



mesej berkaitan budaya berintegriti yang ditekankan oleh Bapa Pembangunan ini masih bernilai dan amat penting untuk dinilai sebagai komponen mewujudkan perkhidmatan yang berintegriti.

Komitmen untuk meningkatkan semangat dan integriti kakitangan kerajaan menyerlah apabila Tun Razak memperkenalkan pemakaian lencana 'Sedia Berbakti' oleh kakitangan perkhidmatan awam Pahang ketika

memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Setiap kakitangan dan pegawai kerajaan negeri diwajibkan memakainya. Pemakaian lencana ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan semangat serta integriti dalam kalangan penjawat awam negeri untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen bagi kepentingan rakyat.

Beliau juga menunjukkan contoh terbaik dengan mengamalkan dasar turun padang berjumpa dan berdialog bersama penduduk setempat. Pengalaman mentadbir dan melaksanakan program pembangunan pada peringkat negeri menjadi asas kekuatan Tun Razak untuk menerajui portfolio Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman.

Dalam ucapan perasmian Seminar Memperbaiki Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan dan Perhubungan Dengan Orang Ramai pada September 1970 di ibu negara, Tun Razak menggariskan nilai-nilai yang perlu diterapkan bagi meningkatkan kecekapan dan imej perkhidmatan awam. Antaranya pemantapan kepimpinan, pengamalan sikap positif dalam kalangan pegawai, mengamanahkan kuasa kepada pegawai rendah yang cekap dan berkebolehan serta pemantauan rapi supaya rancangan yang dirancang dilaksanakan dengan baik.

Sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Razak berjaya menyatukan tenaga pegawai jabatan kerajaan yang berkaitan dengan kemajuan luar bandar dari peringkat kementerian hingga daerah sebagai satu pasukan berwibawa dan mempunyai satu tujuan iaitu untuk memajukan kawasan luar bandar. Dengan wujudnya penyatuan dan aturan kerja bersistematik, isu berkaitan dengan tujuh penyakit besar seperti tiada persefahaman dan pertindihan kerja antara jabatan serta pembuangan masa yang berlebihan dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dikurangkan.

Bentuk Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Luar Bandar

Satu lagi usaha pemupukan integriti dalam jentera perkhidmatan awam dapat dilihat melalui pembentukan

Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Luar Bandar pada peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Perbincangan dan sesi perkongsian ilmu yang diadakan dalam mesyuarat meningkatkan kemampuan pegawai pelaksana untuk merancang dan melaksana projek pembangunan sesuai dengan lebih yakin yang memberi pulangan baik kepada penduduk di daerah masing-masing.

Dalam hal ini, kerajaan sedar jika sesuatu rancangan pembangunan hanya dirancang oleh kementerian tanpa mengadakan perbincangan dengan pegawai pelaksana, projek itu akan menemui kegagalan. Maka, melalui Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Luar Bandar, satu susunan pentadbiran awam yang teratur dan sistematik berjaya dibentuk.

Penyusunan ini mengurangkan kerenah birokrasi, masalah pertindihan dan pergeseran dalam melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

Penubuhan Bilik Gerakan dan pelancaran Buku Merah (*Rural Economic Development @ RED Book*) pada 1961, menunjukkan kepintaran Tun Razak untuk meningkatkan mutu jentera perkhidmatan awam pada peringkat daerah, negeri dan negara.

Dengan itu, jelas Tun Razak berjaya memperkenalkan satu lagi pendekatan bagi menerapkan integriti dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam.

Segala maklumat berhubung status kemajuan rancangan pembangunan yang dipaparkan dalam Bilik Gerakan dan perjumpaan serta perbincangan yang diadakan di bilik itu, antara pegawai pelaksana, ketua jabatan serta menteri berkaitan telah memberi rangsangan kepada pegawai pelaksana untuk memahami dan mengkaji serta

menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab.

Buku Merah yang mengandungi pelan rancangan teratur menjadi panduan dan melatih pegawai untuk mengesan kemajuan dan kelewatan pelaksanaan sesuatu rancangan pembangunan. Sistem ini melatih pegawai pelaksana yang bertanggungjawab dan berakauntabiliti. Mereka terpaksa 'turun padang' bagi mendapatkan maklumat terperinci kemajuan projek pembangunan dan keperluan penduduk sebelum mengisi Buku Merah.

Amalan dasar turun padang

Tun Razak sendiri menjadi contoh dan inspirasi kepada semua pegawai dengan cara mengamalkan dasar turun padang untuk berjumpa, berdialog bersama penduduk setempat. Penerapan integriti yang diterajui Tun Razak dalam jentera perkhidmatan awam memungkinkan rancangan pembangunan luar bandar berjaya dilaksanakan dengan lebih cepat daripada jadual ditetapkan.

Ini terbukti apabila jentera perkhidmatan awam berjaya menyiapkan beberapa projek bagi kepentingan penduduk luar bandar sehingga pertengahan tahun 1961. Pendek kata, penerapan integriti yang diterajui Tun Razak dalam perkhidmatan awam berjaya membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar.

Ketika negara bergerak pantas dalam menggerakkan pembangunan dan pertumbuhan, pendekatan Tun Razak dalam memperkukuhkan budaya berintegriti dalam perkhidmatan awam, malah dalam kalangan rakyat jelata masih relevan untuk diamalkan dalam kehidupan pada hari ini.

* Loganathan Veerasamy ialah Penyelaras Institusi Agama, Institut Integriti Malaysia

ASPECTS OF POLITICAL FUNDING

By Ahmad A Talib

Published in the New Straits Times 24 January 2016

Amerul and his colleagues are making their grey matter work hard these past few weeks. They have been going to many places, meeting people and picking their brains.

They have been tasked with drawing up guidelines on political funding, which is an important issue. Amerul is with Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).

His team hopes to come up with guidelines on a subject that has caught everyone's attention.

He knows this is not an easy assignment, which explained why he has to draw on the thoughts and input of many people.

There are many aspects of political funding that the team has to look into.

They can be outright donations to a party, or other forms of contributions that require scrutiny and definition.

INTEGRITI is aware that drawing up the guidelines is one thing. Enforcing them will be a bigger challenge.

But the right move has been made, which is to initiate a study of the issue and formulate a practical solution.

Amerul gives an example of a situation where such funding may have a direct result on business and industry.

He gives an example of this: "Haji Mazlan is a successful businessman. Success didn't come easy to him as he started from scratch.

"He worked hard and ran his business based on integrity, that is, doing the right thing in the right manner for the right reason, which gives value to life.

"Not only to his life but also to the

lives of other people affected by his business.

"He had benefited from government policies that facilitated business development, especially for Bumiputera businesses.

"Haji Mazlan is well known in the business community as a strong believer in integrity, strict in religious principles and never tolerates corruption.

"He is generous in helping people regardless of their ethnic and religious backgrounds.

"His business associates became his friends, and despite their close friendship, he ran his business based on merits.

"After spending more than 40 years building his business empire, he decided to take it easy and let the younger generation run the show.

"However, the younger generation had different ideas and principles.

"They did not mind spending lavishly to lobby for business. "Investing in potential leaders became a norm and donating to political parties and sponsoring activities became a standard practice.

"Because of this aggressive lobbying that used up a huge amount of money, the cost of doing business escalated, making the company's products and services less competitive.

"Even if they secured more business, the profit margin had been reduced.

"The old man tried to get his protégés to return to the old way of doing business, which was based on integrity.

"But some of them thought that integrity was a liability.

"They felt that many of their peers and competitors were subscribing to a different set of practices and routines.

"Some actions that were considered corrupt 40 years ago had become acceptable.

"In fact, it would be a mistake if they did not apply these tactics.

"It was unfortunate that the good values in doing business that transcended religious beliefs had been eroded by people's greed in chasing after material success.

"Integrity should be a major component in all aspects of life and not just in business.

"Everyone should subscribe to it as the return is humongous, not only in this world but, more importantly, in the afterlife.

"Being a person who has gone through good and bad times, Haji Mazlan made a pledge that he would not stop urging the new generation of businessmen to make integrity the backbone of their businesses."

Amerul's narration is a small part of the big overall picture in political funding.

In this regard, the government deserves a pat on the back for taking the bull by the horns and seeking ways to address it.

I suppose we can compare notes with other countries that have their own rules and regulations.

Some can be adopted to suit local conditions.

It's an evolution, mind you. Work in progress, as they say.

* The writer is chairman of Yayasan Salam Malaysia

LAWATAN

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusaf Yusoff menerima kunjungan hormat Setiausaha Politik kepada YB Dato' Mah Siew Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Ivanpal S. Grewal pada 6 Januari 2016 bagi membincangkan pelbagai isu politik semasa dan kerjasama pintar antara INTEGRITI dan Parti Gerakan.



MESYUARAT

Pada 18 Januari lalu, telah berlangsung satu mesyuarat kerjasama antara INTEGRITI dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menyediakan Pelan Integriti Organisasi PDRM.



AKTIVITI

Bagi mempromosi dan meningkatkan kesedaran integriti alam sekitar dalam kalangan masyarakat, kumpulan satu Program Legasi Integriti Khazanah Alam (LeIKA) siri pertama telah meletakkan signage INTEGRITI di Santuari Ikan Sg. Chiling pada 22 dan 23 Januari 2016.



www.integrity.my

